

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Nama produk: PEMBIAYAAN BERJANGKA-i KOPERASI DAN KORPORAT

(Sila Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan Berjangka-i Koperasi dan Korporat).

1	<p>Apakah produk ini?</p> <p>Pembiayaan Berjangka-i Koperasi dan Korporat boleh digunakan untuk mana-mana tujuan berikut (tertakluk kepada pematuhan Syariah) bagi menjalankan aktiviti atau projek yang berhubungkait dengan perniagaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Untuk membeli aset, barang atau perkhidmatan; Untuk penebusan aset (<i>redemption</i>); Untuk pembiayaan semula (<i>refinancing</i>); Untuk penstrukturan semula (<i>restructuring</i>); Untuk mendapatkan modal kerja bagi menjalankan sesuatu projek pembangunan seperti memajukan tanah dan sebagainya; Untuk pembelian stok bahan mentah; Untuk perbelanjaan operasi (contoh: upah / gaji perkerja, kos pengangkutan, kos penyelenggaraan mesin); Untuk pembelian tanah atau hartanah; Untuk pembelian mesin, peralatan atau kenderaan; Untuk tujuan menjalankan aktiviti kredit patuh Syariah berlandaskan <i>Tawarruq</i> dan <i>Komoditi Murabahah</i> yang mana memenuhi standard piawaian Syariah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Co-opbank Pertama. 						
2	<p>Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Konsep Syariah yang terpakai ialah Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq. Berlandaskan prinsip Syariah Murabahah (di bawah pengaturan konsep Tawarruq atau dikenali sebagai komoditi Murabahah) yang mana berdasarkan wa'd daripada pihak pelanggan, Co-opbank Pertama (CBP) akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai agen pelanggan, CBP menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang bersamaan margin pembiayaan secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pengeluaran pembiayaan pelanggan. Jenis komoditi yang digunakan adalah komoditi (bukan ribawi) yang ditawarkan oleh platform komoditi yang disahkan patuh Syariah oleh Penasihat Syariah platform dan CBP. 						
3	<p>Apakah ciri – ciri utama produk ini?</p> <p>Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan dengan ciri-ciri utama seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 30%;">Had Pembiayaan</td> <td>Minimum : RM50,000 Maksimum: sehingga Had Kelayakan Pelanggan</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan</td> <td>Minimum : 1 Tahun Maksimum :sehingga 20 tahun (maksimum) (bergantung kepada semakan berkala)</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td> <td>Kadar keuntungan efektif (<i>effective rate</i>) ditetapkan pada Kadar Asas Pembiayaan Koperasi (KAPK) + peratusan margin untung semasa(%) yang akan ditetapkan oleh Mesyuarat CRECO dari masa ke semasa. Boleh dipertimbangkan untuk Kadar Asas (KA) atau apa - apa kadar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Melulus.</td> </tr> </table>	Had Pembiayaan	Minimum : RM50,000 Maksimum: sehingga Had Kelayakan Pelanggan	Tempoh Pembiayaan	Minimum : 1 Tahun Maksimum :sehingga 20 tahun (maksimum) (bergantung kepada semakan berkala)	Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan efektif (<i>effective rate</i>) ditetapkan pada Kadar Asas Pembiayaan Koperasi (KAPK) + peratusan margin untung semasa(%) yang akan ditetapkan oleh Mesyuarat CRECO dari masa ke semasa. Boleh dipertimbangkan untuk Kadar Asas (KA) atau apa - apa kadar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Melulus.
Had Pembiayaan	Minimum : RM50,000 Maksimum: sehingga Had Kelayakan Pelanggan						
Tempoh Pembiayaan	Minimum : 1 Tahun Maksimum :sehingga 20 tahun (maksimum) (bergantung kepada semakan berkala)						
Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan efektif (<i>effective rate</i>) ditetapkan pada Kadar Asas Pembiayaan Koperasi (KAPK) + peratusan margin untung semasa(%) yang akan ditetapkan oleh Mesyuarat CRECO dari masa ke semasa. Boleh dipertimbangkan untuk Kadar Asas (KA) atau apa - apa kadar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Melulus.						

		Nota: Margin yang dikenakan ke atas Pelanggan adalah bergantung kepada risiko kredit Pelanggan, serta budibicara Co-opbank Pertama.														
4	<p>Apakah tanggungjawab Pelanggan?</p> <p>Membuat pembayaran berdasarkan harga jualan (jumlah keseluruhan ditambah keuntungan yang perlu dibayar).</p>															
5	<p>Berapakah yuran dan caj yang perlu Pelanggan bayar?</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bayaran</th> <th>Perincian Bayaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Yuran Setem</td> <td>Kadar duti setem adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Akta Setem 1949 Pejabat Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan apa-apa pindaan seterusnya.</td> </tr> <tr> <td>Yuran Undang - Undang</td> <td>Termasuklah bayaran peguam untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran caj, carian tanah dan carian muflis dan lain-lain caj yang berkaitan.</td> </tr> <tr> <td>Yuran Penstrukturan</td> <td>Pada kadar 0.5% daripada jumlah pembiayaan atau RM25,000 ; yang mana lebih rendah.</td> </tr> <tr> <td>Yuran Wakalah</td> <td>RM50.00 bagi setiap RM1,000,000.00 untuk urusniaga transaksi pembelian komoditi dibawah platform Bursa Suq As-Sila (BSAS).</td> </tr> <tr> <td>Caruman Takaful</td> <td>Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan ditanggung oleh Pelanggan.</td> </tr> <tr> <td>Lain – lain bayaran</td> <td>Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan sebarang bayaran atau cukai yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia adalah ditanggung oleh Pelanggan.</td> </tr> </tbody> </table>		Bayaran	Perincian Bayaran	Yuran Setem	Kadar duti setem adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Akta Setem 1949 Pejabat Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan apa-apa pindaan seterusnya.	Yuran Undang - Undang	Termasuklah bayaran peguam untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran caj, carian tanah dan carian muflis dan lain-lain caj yang berkaitan.	Yuran Penstrukturan	Pada kadar 0.5% daripada jumlah pembiayaan atau RM25,000 ; yang mana lebih rendah.	Yuran Wakalah	RM50.00 bagi setiap RM1,000,000.00 untuk urusniaga transaksi pembelian komoditi dibawah platform Bursa Suq As-Sila (BSAS).	Caruman Takaful	Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan ditanggung oleh Pelanggan.	Lain – lain bayaran	Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan sebarang bayaran atau cukai yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia adalah ditanggung oleh Pelanggan.
Bayaran	Perincian Bayaran															
Yuran Setem	Kadar duti setem adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Akta Setem 1949 Pejabat Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan apa-apa pindaan seterusnya.															
Yuran Undang - Undang	Termasuklah bayaran peguam untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran caj, carian tanah dan carian muflis dan lain-lain caj yang berkaitan.															
Yuran Penstrukturan	Pada kadar 0.5% daripada jumlah pembiayaan atau RM25,000 ; yang mana lebih rendah.															
Yuran Wakalah	RM50.00 bagi setiap RM1,000,000.00 untuk urusniaga transaksi pembelian komoditi dibawah platform Bursa Suq As-Sila (BSAS).															
Caruman Takaful	Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan ditanggung oleh Pelanggan.															
Lain – lain bayaran	Tertakluk kepada polisi semasa Co-opbank Pertama dan sebarang bayaran atau cukai yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia adalah ditanggung oleh Pelanggan.															
6	<p>Apa yang berlaku sekiranya Pelanggan gagal memenuhi kewajipan seperti yang ditetapkan?</p> <p>Co-opbank Pertama (CBP) berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (<i>Ta'widh</i>) daripada Pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh CBP akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada CBP dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM serta berpandukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia seperti mana berikut:</p> <p>i. Sebelum tarikh matang, <i>Ta'widh</i> yang akan dikenakan adalah pada kadar tidak melebihi 1% setahun ke atas jumlah bayaran ansuran tertunggak dikira secara harian dan tidak terkompoun. CBP boleh mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center; margin: 10px 0;"> $\text{Jumlah Bayaran Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$ </div> <p>ii. Selepas tarikh matang, <i>Ta'widh</i> yang akan dikenakan adalah pada kadar <i>Islamic Interbank Money Market</i> (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki prinsipal tertunggak dan tidak terkompoun. CBP boleh mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi. Selepas penghakiman diperolehi, <i>Ta'widh</i> yang dikutip adalah pada kadar yang ditentukan oleh Mahkamah atau Tribunal atau penimbangtara. Walaubagaimanapun CBP hanya boleh mengiktiraf dalam akaun untung rugi caj pada kadar yang tidak melebihi kadar <i>Islamic Interbank Money Market</i> (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah hutang tertunggak.</p>															

	<p>iii. CBP atas budibicara berhak memutuskan untuk mengenakan suatu kadar denda (Gharamah) kepada Pelanggan yang mungkir. Kadar gabungan yang dikenakan (keuntungan + Ta'widh + Gharamah) hendaklah suatu kadar yang tidak melebihi kadar siling, dikira tanpa terkompoun secara "daily rest basis". Caj <i>Gharamah</i> akan diurus mengikut garis panduan Syariah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah dan Pengawalselia.</p>
7	<p>Bagaimana jika Pelanggan menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?</p> <p>Rebat (<i>Ibra'</i>) akan diberikan berdasarkan formula yang dinyatakan di bawah, sekiranya berlaku senario berikut (tetapi tidak terhad kepada):</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan; Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan pembiayaan; Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang; Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang; Apabila terdapat perbezaan di antara kadar keuntungan siling dan kadar keuntungan efektif. <p>Jumlah rebat/<i>ibra'</i> pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:-</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p><i>Ibra'</i> = Keuntungan Tertanggung Belum Terakru</p> </div> <p>Apa-apa jumlah <i>Ibra'</i> yang ditaksirkan mengikut formula yang ditetapkan tidak boleh dibuat penarikan semula '<i>claw back</i>' dan tidak boleh ditambah dengan penalti atau apa-apa caj tambahan penyelesaian awal kecuali kos sebenar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah CBP dari masa ke semasa.</p> <p>Formula kos sebenar adalah seperti berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p>Kos sebenar = Kadar Papan – Kadar Efektif</p> </div>
8	<p>Adakah Pelanggan memerlukan perlindungan Takaful?</p> <p>Tertakluk kepada polisi semasa CBP.</p>
9	<p>Apakah risiko utama?</p> <p>Untuk makluman, Kadar Keuntungan Efektif akan tertakluk mengikut perubahan kepada Kadar Asas Pembiayaan Koperasi (KAPK) atau Kos Pendanaan Efektif (ECOF). Peningkatan kepada Kadar Keuntungan Efektif boleh menyebabkan kenaikan kepada ansuran bulanan yang lebih tinggi namun tidak melebihi kadar siling yang ditetapkan.</p>
10	<p>Adakah CBP memerlukan penjamin atau cagaran?</p> <p>Tertakluk kepada penilaian kredit terhadap Pelanggan dan polisi semasa CBP.</p>
11	<p>Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan maklumat dan butiran berkenaan maklumat peribadi?</p> <p>Adalah penting bagi Pelanggan untuk memberitahu kami mengenai sebarang perubahan pada alamat atau maklumat peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat – menyurat menghubungi anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat hubungan anda, sila hubungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tel : 1-300-88-7650 dari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang ▪ Fax : 03-40474116 ▪ Email : info@cbp.com.my

12	<p>Di mana Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?</p> <p>Maklumat lanjut mengenai produk ini boleh diperolehi dengan menghubungi Jabatan Pembiayaan Koperasi dan Korporat, Ibu pejabat CBP seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tel : 03-2692 7650 sambungan 1510 ▪ Email : pembiayaan.korporat@cbp.com.my
13	<p>Untuk sebarang aduan, sila salurkan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hotline Aduan: 1-300-88-7650 ▪ Alamat Aduan: Jabatan Transformasi, Co-opbank Pertama, Tingkat 6, Wisma JCBNEXT, 27 Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur. ▪ E-mel kepada info@cbp.com.my. <p>Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:</p> <p>Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Tingkat 10, Sunway Putra Tower, 100 Jalan Putra, 50350 K.Lumpur Laman web: www.skm.gov.my Tel: 03-40474000; Faks: 03-40474116; Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = http://apponline.skm.gov.my</p>

Maklumat Selanjutnya

- Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah pada tarikh ini.
- Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum memutuskan untuk memohon pembiayaan.

NOTA PENTING

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL JIKA PELANGGAN GAGAL MELAKSANAKAN PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BERJANGKA-i KOPERASI DAN KORPORAT.

PENAFIAN

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hanya bersifat sementara / sebagai contoh dan tidak mengikat Bank. Terma dan syarat terakhir adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan setelah penilaian kredit dan persetujuan pembiayaan.

Saya / Kami dengan ini telah membaca dan memahami lembaran pendedahan produk ini

.....
Nama Pelanggan:

Tarikh: